

ICT Fair platform terbaik promosi IT

UB 14.3.2018 A4

LABUAN: Labuan ICT Fair & Esports Challenge merupakan platform terbaik untuk mempromosikan industri teknologi maklumat (IT) dan sukan elektronik kepada warga Labuan.

"Pujian perlu diberikan kepada pihak pengajur iaitu Financial Park Labuan yang bekerjasama dengan Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah dan pihak TM Unifi, yang berjaya menganjurkan program buat julung kalinya di Labuan ini," kata Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Datuk Peter Mark.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program itu di Anggerik Square, Kompleks Ujana Kewangan, di sini pada Sabtu.

Katanya program yang berlangsung dari 9 hingga 11 Mac itu juga tidak akan berhasil tanpa sokongan pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Labuan serta Labuan Financial Services Authority yang memberikan galakan serta mempromosikan program itu, khususnya kepada golongan belia di pulau ini.

Program itu juga turut membantu peniaga khususnya dalam bidang IT memasarkan produk IT mereka kepada warga Labuan.

"Golongan belia di negara ini juga kini amat meminati bidang



PETER (kiri) menerima cenderahati ketika melawat salah satu gerai pameran.

e-sukan yang mana ia semakin berkembang di negara ini.

"Kita melihat perkembangan ini sebagai sesuatu yang amat positif bahkan sukan ini mendapat sokongan penuh daripada pihak KBS selaras dengan Pelan Transformasi Negara untuk memperkuatkannya ekonomi digital," katanya.

Antara pengisian program itu adalah gerai pameran produk

jualan IT, pertandingan e-sports iaitu 'Mobile Legend' dan 'Street Fighter', persembahan robotik, ceramah mengenai IT dan lain-lain.

Turut hadir, Pengurus Besar Financial Park Labuan Sdn Bhd Subramaniam Muniandy serta Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah Profesor Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim.